UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

PELAPORAN PENGENDALIAN PROGRAM / AKTIVITI PELAJAR:

PROGRAM OUTBOUND PELAJAR DAN PROGRAM KOLABORASI PENYELIDIKAN DI INSTITUT SENI INDONESIA (ISI) YOGYAKARTA, INDONESIA

PERINGATAN:
Penghantaran laporan adalah dalam tempoh **(2)** dua minggu selepas tarikh aktiviti/program dijalankan kepada hepfssr@uitm.edu.my

- Lampiran Poster program / aktiviti dan tentatif
- Gambar-gambar semasa pelaksanaan program/ aktiviti
- Senarai penuh pelajar yang terlibat
- Resit bukti pembelian/pembayaran sekiranya program dijalankan menggunakan Borang C
- Contoh sijil yang dikeluarkan program

Bil	LAPORAN AKTIVITI/ PROGRAM	CATATAN
1.0	**MAKLUMAT PROGRAM**	
	Tajuk Program/ Aktiviti: Program Outbound Pelajar dan Program Kolaborasi Penyelidikan Di Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta, Indonesia Tempat: Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta, Indonesia Tarikh: 19 Jun 2026 hingga 28 Jun 2026 Masa: 8 pagi hingga 5.00 petang Jumlah Peserta: 4 org pensyarah, 1 org Staf UiTM (Penolong Pendaftar Kanan) & 1 orang pelajar	Peratusan kehadiran 100%
2.0	**PELAKSANAAN PROGRAM**	
	PENGENALAN Program Outbound Pelajar dan Program Kolaborasi Penyelidikan ini dilaksanakan sebagai satu inisiatif akademik antarabangsa bagi memberi pendedahan kepada pelajar pascasiswazah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), UiTM Shah Alam. Program ini bertujuan memperkukuh pengalaman penyelidikan melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti akademik, studio seni, pameran, seminar serta jaringan kolaborasi bersama Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta. Pelaksanaan program ini juga memberi ruang kepada pelajar untuk memahami konteks seni serantau serta memperluas pengetahuan dalam bidang seni lukis dan seni reka melalui pengalaman pembelajaran di peringkat antarabangsa	

PERINCIAN PROGRAM

Tarikh: 19 Jun 2026 hingga 28 Jun 2026
Masa: 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Lokasi: Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta, Indonesia

Bilangan Peserta: 1 orang
Pensyarah: tiga (3) orang
Staff UiTM : 1 orang
Jumlah Kehadiran: Hadir

Cara pelaksanaan: Dilaksanakan secara bersemuka dan atas talian

1. ArtJog 2026, 19 Jun 2026 (Jumaat)

Program utama ARTJOG ialah pameran seni kontemporari yang menampilkan pelbagai karya daripada artis tempatan dan antarabangsa yang berlangsung di Yogyakarta. Karya yang dipamerkan bukan sekadar ruang mempamerkan karya seni tetapi merangkumi pelbagai medium seperti lukisan, instalasi, seni media campuran interaksi antara artis dan masyarakat.. Setiap edisi pameran ini biasanya dibina berdasarkan tema kuratorial tertentu yang menyentuh isu semasa seperti sosial, identiti, budaya, alam sekitar atau perkembangan teknologi. Rujuk Lampiran 1.

2. Pameran Solo Prof. Madya Dr. Jailani Abu Hassan, Duri duri Kapas, Lawatan Galeri Residensi dan *Sarang Art Gallery,* 20 Jun 2026 (Sabtu)

Duri-Duri Kapas ialah pameran solo oleh Prof. Jailani Abu Hassan yang mengetengahkan karya seni visual berteraskan simbolisme, emosi, dan refleksi sosial melalui pendekatan seni lukisan kontemporari. Menampilkan siri karya yang menggabungkan tema kelembutan dan ketegangan (kapas vs “duri” sebagai metafora).

3. Perasmian Pameran DIES Natalis ke-42 ISI Yogyakarta, 20 Jun 2026 (Sabtu)

Pameran Pameran DIES Natalis ke-42, ‘Resonansi Rasa dalam Jejaring Biner’ dirasmikan oleh rektor ISI Yogyakarta, Dr. Irwandi, Konfir Kabo, pengerusi Project Eleven, John Cruthers dari 16albermarleprojectspace. Pameran ini diadakan di Galeri RJ. Katamsi ISI Yogyakarta. Persembahan instrumen muzikal oleh gabungan mahasiswa dan juga kumpulan muzikal yang lain. Peragaan fesyen oleh mahasiswa S2 ISI Yogyakarta mempamerkan busana kasual, kontemporari dan juga elegan dalam memartabatkan seni dan budaya.

4. Persediaan bagi ARCADESA 2026, ISI Yogyakarta, 21 Jun 2026 (Ahad)

Membuat persediaan dari segi pelaksanaan jadual nama pembentang, tajuk pembentangan, masa pembentangan dan juga room (bilik) bagi peserta yang melakukan pembentangan secara dalam talian pada 23-24 Jun 2026 dalam platform Zoom Meeting.

5. Asia Pacific Art Forum (APAF) 2026, 22 Jun 2026 (Isnin)

Asia Pacific Art Forum (APAF) 2026 merupakan rangkaian Simposium dan Workshop sebagai ruang untuk berbagi pengetahuan, perbincangan, dan bertukar pendapat dan pengetahuan mengenai perkembangan seni kontemporari. Para peserta diberi tema Artistic Intelligence dan diberi ruang untuk pembentangan dari pelbagai perspektif.

6. Workshop Pak Suwarno Wisetritomo, 22 Jun 2026 (Isnin)

If artwork could speak: critique in art and cultural discourse
Mendengar Gerak Suara Rupa

Pak Suwarno Wisetritomo merupakan pensyarah FSRD di ISI Yogyakarta. Bengkel mendengar gerak suara rupa. Menjelaskan maksud Seni-pesan dan karya seni ditugasi mengirim pesan seniman kepada penontonnya. Pesan sampai: menyentuh jiwa, mengguncang, menggangu, memprovokasi. Pesan tak sampai: gagal menyentuh batin, gagal menggoda, lewat dari ingatan. Memburu makna, apakah suara dan cara menyuarakan menggugah kesadaran

	(intelektual, estetik dan artistik) penonton? memiliki daya menohok? efektif dalam menyampaikan “isi suara”? Malam *Networking* bersama ISI Yogyakarta, UiTM, UPSI, *Project Eleven*, *Silpakorn University*, *Victoria Museum*. Sesi perkenalan antara Universiti dan Institusi Pendidikan dan juga perbincangan antara negara. Tempat: ISI Yogyakarta, Indonesia Tarikh: 22 Jun 2026 Masa: 8:00 malam hingga 9:00 malam	
	7. **10th Art, Craft, And Design in Southeast Asia International Symposium (ARCADESA) 2026**, 23 June 2026 (Tuesday), 2nd Floor Ajiyasa Building <u>Keynote Speaker Presentation: Day 1</u> Speaker 1: Assist. Prof. Dr. Vichaya Mukdamanee, Vice President for Art and Culture, Silpakorn University, Thailand Title: The Aesthetics of Collaboration: Art, Design, and Cultural Diplomacy for Human Well-Being in a Transforming World Speaker 2: Muhammad Sholahuddin, S.Sn., MT. ISI Yogyakarta Title: Bridging Intuition and Algorithms: A Study of Students' Experiences in Integrating Conventional Methods and Artificial Intelligence Presenter 1: Danang Febriyantoko, S.Sn., M.Ds., Interior Design Department, ISI Yogyakarta Title: Study of Elderly-Friendly PublicSpaces Watershed in Yogyakarta City Using A Landscape-Lifescape Approach Presenter 2: Ms. Wishulada Panthanuvong, Design Arts (International Program)—Faculty of Decorative Arts, Silpakorn University, Bangkok, Thailand Title: Social Return On Investment Of Regenerative Art From Waste Materials Case Study: Thai Airways Cooperative Housing, Nonthaburi Presenter 3: Mutia Nurdina, S.T., M.Sc., Media Design Department, ISI Yogyakarta Title: Activating Local Resources for Social Innovation through Participatory Design (Case Study: Children's Jamboree in Karangwaru, Yogyakarta) Presenter 4: Silvya Bintang Ayu Candradewi, S.Ds., M.Ds., Product Design Department, ISI Yogyakarta Title: Reframing Healing Environment: A Literature Review of Spatial Support and Sensory Experience in Healthcare Facilities Speaker 3: Michael Höpfner (Online), Academy of Fine Arts Vienna, Austria Title: Rythmic Universe: Reflections on Art Diplomacy Speaker 4: Assoc. Prof. Dr. Cissie Fu, McNally School of Fine Arts Lasalle College of The Art, University of The Arts Singapore Title: Human Behavior, Art, and Social Impact Presenter 5: Dorian Reunkrilerk, Ph.D., Faculty of Decorative Arts, Silpakorn University, Thailand Title: Event-based urbanism and design pedagogy: the Bangkok Design Week as a Site of situated micro-diplomacy learning Presenter 6: Wafaa Letya Jahroo, S.Ds., M.Ds., Craft Department, ISI, Yogyakarta Title: *From Traditional Craft to Contemporary Fashion: Participatory Practices and Branding in Artisanal Natural Dye Denim* Presenter 7: Siti Norfatulhana Binti Ishak (Online), Universiti Teknologi MARA, Malaysia Title: *From Photographic Subjects to Data Bodies* *Comments from Keynote Speaker and Q&A from The Audience*	

Malam *Networking* bersama ISI Yogyakarta, UiTM, UPSI, *Silpakorn University,* University of The Arts Singapore . Sesi perbincangan ARCADESA 2027 antara universiti dan institusi pendidikan dan juga perbincangan pendapat antara negara.

Tempat: Omah Batu, Semanaak Warung & Kopi, Yogyakarta, Indonesia
Tarikh: 23 Jun 2026
Masa: 6:30 malam hingga 8:30 malam

10th Art, Craft, And Design in Southeast Asia International Symposium (ARCADESA) 2026, 24 June 2026 (Wednesday), 2nd Floor Ajiyasa Building

Keynote Speaker Presentation: Day 2

Speaker 5: Assoc. Prof. Ts. Dr. Azhar Abd Jamil, Faculty of Art & Design, UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia
Title: *Building a Borderless ASEAN Higher Education Ecosystem Through Flexible Credentials and Strategic Collaboration*

Speaker 6: Professor Dr. Mohd Fauzi bin Sedon, Fakulti Seni, Kelestarian, dan Industri Kreatif Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Title: *Beyond Sight: Tactile Perception and Sensory Engagement in Visual Art for Blind and Visually Impaired Students*

Presenter 8: Mutmainah, S.Pd., M.Sc., Art Conservation Department, ISI Yogyakarta
Title: *Jamasan as Material and Cultural Conservation: An Appropriate Museology Perspective on Keris Conservation in Yogyakarta*

Presenter 9: Ivada Ariyani, ST., M.Des. Interior Design Department, ISI Yogyakarta
Title: *Workshops as Affinity Spaces? Gotong Royong and Productive Institutional Tensions in Participatory Design*

Presenter 10 : Dr. Sugeng Wardoyo, M.Sn., Craft Department, ISI Yogyakarta
Title: *Transformation of Samin Ancestors' Values in Civil Servant Batik Design in Bojonegoro Regency as a Strategy for Preserving Local Cultural Heritage by the Regional Government*

Presenter 11: Noor Izzah Atira Mohd Daud, Faculty of Art and Design, UiTM Malaysia
Title: *Exploring Malaysian Cultural Elements through Visual Representation in Painting*

Presenter 12: Dr. Willy Himawan, M.Sn (Online), Faculty of Art and Design, Bandung Institute of Technology
Title: *Beyond the Dish: The Gastronomic Gaze of Cultural Agency and Resilience in Contemporary Balinese Art*

Comments from Keynote Speaker and Q&A from The Audience

8. *Batik Indigo Workshop, 24 Jun 2026 (Wednesday)*

Bengkel Batik Indigo yang dijalankan di Fakulti Tekstil, ISI Yogyakarta, merupakan bengkel secara praktikal di mana peserta belajar menghasilkan seni fabrik menggunakan teknik pewarnaan indigo natural, sehingga menghasilkan karya tekstil bercorak buatan tangan sendiri menggunakan tali, getah dan juga kain siap jahit untuk dijadikan tudung *(scraft).*

9. *Malam Networking and Farewell ARCADESA 2026*

Malam Networking and Farewell ARCADESA 2026 merupakan acara penutup yang bertujuan mengeratkan hubungan serta membina jaringan antara peserta, penganjur, rakan kerjasama dan pihak berkepentingan yang terlibat sepanjang program berlangsung. Acara ini menyediakan ruang untuk para peserta berinteraksi, berkongsi pengalaman, bertukar pandangan serta memperkukuhkan hubungan profesional dalam suasana yang lebih santai dan mesra. Selain menjadi platform penghargaan, acara ini turut meraikan sumbangan dan penglibatan semua pihak yang menjayakan ARCADESA 2026.

10. Bengkel Penulisan *Scopus, 25 Jun 2026* (Khamis)

Bengkel Penulisan Scopus merupakan program akademik yang bertujuan memberi pendedahan dan panduan kepada peserta mengenai kaedah penulisan artikel ilmiah yang berkualiti serta memenuhi piawaian penerbitan jurnal berindeks Scopus. Bengkel ini meliputi aspek penting seperti pemilihan tajuk kajian, penyusunan struktur artikel, kaedah penulisan akademik, penyediaan sorotan literatur, metodologi kajian, serta strategi meningkatkan kebolehterimaan artikel untuk penerbitan dan diberi pendedehan mengenai peralatan seperti Jenni AI, Chatgpt, dan Napkin untuk membantu peserta dalam penulisan.

11. Mesyuarat dengan Industri (Pak Jayadi), 26 Jun 2026 (Jumaat)
    Tempat: Komuniti Pasar Kangen, Yogyakarta

Pasar Kangen Yogyakarta merupakan sebuah acara budaya yang mengangkat kembali suasana pasar tradisional Jawa dengan menampilkan pelbagai warisan seni, budaya, makanan tradisional dan produk kreatif masyarakat tempatan. Perkataan “Kangen” dalam bahasa Jawa bermaksud rindu, menggambarkan konsep utama acara ini iaitu menghidupkan semula rasa rindu terhadap suasana, nilai dan tradisi lama yang semakin jarang ditemui dalam kehidupan moden. Acara ini menghimpunkan pelbagai gerai yang menjual makanan tradisional, barangan antik, kraftangan, karya seni serta persembahan kebudayaan seperti muzik tradisional, tarian dan aktiviti seni masyarakat.

12. *Postmortem Publication* ISI Yogyakarta dan ARCADESA 2026, 26 Jun 2026 (Jumaat)

Postmortem Publication ISI Yogyakarta merupakan sesi refleksi dan penilaian yang membincangkan pengalaman, cabaran serta strategi dalam menghasilkan penerbitan akademik berindeks Scopus melibatkan pensyarah Institut Seni Indonesia Yogyakarta dan peserta ARCADESA 2026. Sesi ini memberi tumpuan kepada perkongsian berkaitan proses penulisan artikel ilmiah, pengurusan penyelidikan, pemilihan jurnal yang sesuai, proses semakan rakan sebaya (*peer review*) serta langkah penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti penerbitan.

13. Bicara Seni bersama Alexandri Luthfi, 26 Jun 2026 (Jumaat) Tajuk: Menulis Gagasan Artistik Sebagai Arsip: “Teknik Dan Metode” di Pojok Rumah DAS

Sesi perkongsian seni bersama Alexandri Luthfi yang memberi penekanan terhadap kepentingan penulisan sebagai medium untuk merekod, mendokumentasi dan mengembangkan pemikiran artistik seseorang seniman. Program ini membincangkan kaedah serta pendekatan dalam menghasilkan penulisan berkaitan idea, konsep, proses kreatif dan pengalaman berkarya agar dapat menjadi sumber rujukan serta arkib seni pada masa hadapan. Melalui sesi ini, peserta didedahkan kepada teknik menyusun gagasan artistik secara sistematik, termasuk cara menghuraikan inspirasi, pendekatan visual, proses penghasilan karya dan konteks di sebalik sesuatu karya seni.

14. Mesyuarat bersama Pak Hussin dari ISBI (Institut Seni Budaya Indonesia), 27 Jun 2026 (Sabtu)

Mesyuarat ini merupakan sesi perbincangan akademik bersama Pak Hussin dari Institut Seni Budaya Indonesia (ISBI) yang memberi fokus kepada aspek penulisan ilmiah dan strategi penerbitan artikel dalam jurnal berindeks Scopus. Perbincangan meliputi kaedah penyediaan manuskrip akademik, pemilihan topik kajian yang berpotensi diterbitkan, struktur penulisan artikel, keperluan kualiti penyelidikan serta cabaran dalam proses penerbitan antarabangsa.

15. Perjalanan pulang Yogyakarta - Kuala Lumpur

HURAIAN PENILAIAN

ARTJOG 2026 mempamerkan puluhan karya seni merentasi pelbagai disiplin seperti lukisan, arca, media campuran, dan pemasangan interaktif. Pameran ini menampilkan karya daripada 48 seniman dewasa serta mempamerkan lebih 40 karya daripada pelajar dan remaja melalui program khas ARTJOG Kids. Lokasi diadakan di *Jogja National Museum (JNM)*, Yogyakarta pada 19 Jun hingga 30 Ogos 2026 bertemakan Ars Longa: Generatio. Pameran seni kontemporari antarabangsa ini memulakan trilogi baharu dengan misi meneguhkan seni sebagai ruang refleksi. Untuk maklumat lanjut atau lawatan, butiran lanjut disediakan di laman web rasmi ARTJOG 2026. Pameran ini menghadirkan berbagai karya yang mengeksplorasi hubungan antara manusia, teknologi, dan pengalaman artistik di tengah perkembangan dunia digital yang semakin kompleks.

Pameran Solo Tanam Semula: Duri duri Kapas oleh Prof. Dr Jailani Abu Hassan menyentuh isu pengalaman manusia, memori, dan konflik dalaman serta gaya yang ekspresif dan kontemporari dengan penekanan pada naratif visual. Fokus utama dalam pameran iaitu interpretasi emosi dan makna simbolik dalam kehidupan.

Pameran Rasmi Pembukaan DIES Natalis ke-42 mewujudkan platform untuk menghimpunkan seniman, akademisi, mahasiswa dan masyarakat dalam menghargai hasil karya seni yang pelbagai. Pameran ini memberi peluang kepada peserta untuk memahami idea, konsep dan mesej yang ingin disampaikan oleh para pengkarya melalui pendekatan artistik yang berbeza. Selain itu, aktiviti ini turut memperkukuhkan apresiasi terhadap perkembangan seni serta budaya di Yogyakarta. Pameran ini memberikan pengalaman yang bermakna melalui interaksi antara karya seni dan pengunjung. Aktiviti ini bukan sahaja berjaya memperkenalkan karya kreatif kepada khalayak, malah menjadi ruang pertukaran pandangan serta refleksi terhadap isu-isu semasa yang diketengahkan.

Asia Pacific Art Forum (APAF) 2026 merupakan ruang diskusi mengenai pandangan profesional, kurator dan artis terhadap *Artistic Intelligence.* Antara Keynote speaker yang hadir ialah Dr. Elly Kent daripada *The Australian National University, Canberra*, Dr. Alexandra Roginski daripada *Museum Victorian, Melbourne,* Dr. Tisna Sanjaya M.Sch seorang artis dan juga pensyarah di FSRD, Institut Teknologi Bandung, Brigitta Isabella M.A, seorang pensyarah di FSRD, Institut Seni Indonesia Yogyakarta, Mang Moel, seorang artis daripada *The Mogus Studio Yogyakarta* dan Jumaldi Alfi, seorang artis dan juga pengasas *Sarang Space Yogyakarta.*

Keynote Speaker 1: Professor Marie Sierra, *Dean of Faculty of Fine Arts and Music*
Title: Laboratory for Artistic Intelligence, Canada

Keynote Speaker 2: Dr. Elly Kent, *Senior Lecturer, School of Culture, History and Language, College of Asia and the Pacific*, *Australian National University, Canberra*
Title: Embodying the in-between: artistic intelligence and transcultural being

Keynote Speaker 3: Dr. Tisna Sanjaya M.Sch, Artist and Lecturer*, FSRD Institiut Teknologi Bandung,*
Title: Kincir Penjernih Air, Mengubah Air Sungai Kotor menjadi jernih (Art performance)

Keynote Speaker 4: Mulyana (Mang Moel), Artist at *The Mogus Studio Yogyakarta,*
Title: About the Journey of Artwork - Beyond Environment Theme, Modular System, Crochet and the human Body, Expanding the Horizon

Keynote Speaker 5: Jumaldi Alfi, Artist and founder of *Sarang Space Yogyakarta,*
Title: Art Management Programme 2025 - Art Residensi, Art Programme in 2017-2024, the Latest Solo Exhibition Assoc. Prof. Dr. Jailani Abu Hassan (Duri Duri Kapas)

Keynote Speaker 6: Dr. Alexandra Roginski, Curator of International Collections,
Museum Victorian, Melbourne
Title: Stories Across the Seas: Reconnecting Provenance in the Indonesian Collections at Meseums Victoria

Keynote Speaker 7: Brigitta Isabella M.A, Lecturer at FSRD, Institut Seni Indonesia, Yogyakarta
Title: The Paradox of being a palugada artist

Malam Networking menyediakan platform interaksi dan pertukaran idea antara wakil universiti, institusi pendidikan serta organisasi seni dari pelbagai negara. Sesi perkenalan antara Institut Seni Indonesia Yogyakarta, Universiti Teknologi MARA, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Silpakorn University, Victoria Museum dan Project Eleven telah membuka ruang kepada peserta untuk mengenali latar belakang, kepakaran serta bidang kerjasama yang berpotensi dibangunkan pada masa hadapan serta memperkukuhkan jaringan antarabangsa, membina hubungan profesional serta menggalakkan perkongsian pengetahuan antara institusi pendidikan dan komuniti seni. Perbincangan rentas negara yang dijalankan turut meningkatkan kefahaman terhadap kepelbagaian pendekatan dalam bidang seni, budaya dan pendidikan.

Bengkel Pak Suwarno Wisetritomo bertajuk Mendengar Gerak Suara Rupa meningkatkan keupayaan peserta menilai dan mentafsir karya seni secara lebih kritis. Perbincangan mengenai keberkesanan sesuatu karya dalam menyampaikan “suara” seniman telah membantu peserta memahami aspek intelektual, estetik dan artistik dalam penghasilan karya. Aktiviti ini turut mendorong peserta untuk melihat seni sebagai medium yang mampu menyentuh emosi, mencetuskan pemikiran serta membangkitkan kesedaran penonton terhadap isu atau mesej yang diketengahkan. Penambahbaikan boleh dilakukan melalui sesi analisis karya secara langsung agar peserta dapat mengaplikasikan konsep yang dipelajari dengan lebih berkesan.

Pelaksanaan ARCADESA tahun 2026 merupakan forum antarabangsa ini menghimpunkan penyelidik, pengamal, dan ahli akademik untuk meneroka peranan seni, reka bentuk, dan budaya dalam memupuk kerjasama dan persefahaman global bertarikh 23 hingga 24 Jun 2026 di Bangunan Ajiyasa, ISI Yogyakarta. Dalam menyediakan platform pertukaran ilmu, pengembangan kreativiti serta pengukuhan jaringan kerjasama antara komuniti seni, akademik dan profesional. Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti sesi perkongsian akademik, perbincangan penerbitan serta program kebudayaan telah memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh kepada para peserta memperkukuhkan kemahiran kreatif serta membuka peluang kolaborasi antara institusi. Program ini berjaya menggabungkan aspek pendidikan, penyelidikan dan pengalaman praktikal melalui penglibatan aktif peserta serta interaksi bersama para seniman dan akademik.

Bengkel Batik Indigo merupakan aktiviti praktikal yang memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik penghasilan tekstil menggunakan pewarna indigo. Dalam bengkel ini, peserta mempelajari proses pewarnaan semula jadi *indigo*, teknik ikat celup *(tie-dye)*, kaedah rendaman kain serta pengawalan nisbah campuran warna bagi menghasilkan tona dan corak yang menarik. Proses ini memberi pemahaman tentang aspek teknikal dalam menghasilkan karya tekstil secara kreatif dan sistematik. Melalui aktiviti ini, peserta berpeluang menghasilkan tudung *(scarf)* batik indigo hasil daripada gabungan teknik tradisional dan kreativiti individu. Bengkel ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran seni tekstil, malah memperkenalkan nilai estetika, ketelitian proses pembuatan serta kepentingan menghargai kaedah pewarnaan tradisional dalam penghasilan produk seni.

Malam Networking dan farewell ARCADESA menyediakan platform interaksi, pertukaran idea dan perkongsian pengalaman antara wakil universiti, institusi pendidikan serta organisasi seni dari pelbagai negara. Sesi perbincangan ARCADESA 2027 melibatkan Institut Seni Indonesia Yogyakarta, Universiti Teknologi MARA, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Silpakorn University, dan University of The Arts Singapore untuk mengenali latar belakang, kepakaran, peruntukan serta potensi kerjasama antara institusi yang terlibat bagi program akan datang.

Bengkel Penulisan Scopus memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik penulisan artikel ilmiah yang memenuhi standard penerbitan jurnal berindeks Scopus. Bengkel ini berjaya meningkatkan kefahaman peserta berkaitan struktur penulisan akademik, strategi penerbitan serta penggunaan teknologi seperti Jenni AI, ChatGPT dan Napkin sebagai alat sokongan dalam proses penulisan. Secara keseluruhannya, aktiviti ini memberi manfaat dalam memperkukuhkan kemahiran penyelidikan dan penulisan akademik peserta.

Lawatan ke Pasar Kangen Yogyakarta memberi pengalaman langsung kepada peserta dalam mengenali dan menghayati warisan budaya tradisional Jawa. Aktiviti ini memperkenalkan kepelbagaian seni, makanan tradisional, kraftangan serta produk kreatif masyarakat tempatan, sekali gus meningkatkan apresiasi terhadap nilai budaya dan identiti masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, aktiviti ini memberi impak positif melalui pengalaman budaya yang menarik serta memperluaskan pemahaman peserta terhadap usaha pemeliharaan warisan

tradisional dalam konteks moden.

Postmortem Publication ISI Yogyakarta menyediakan ruang perkongsian ilmu dan refleksi berkaitan proses penerbitan akademik berindeks Scopus. Sesi ini membantu peserta memahami cabaran dalam penulisan artikel ilmiah, strategi pemilihan jurnal, proses semakan rakan sebaya serta kaedah meningkatkan kualiti manuskrip. Secara keseluruhannya, aktiviti ini memberi manfaat dalam memperkukuhkan kemahiran penyelidikan, penulisan akademik dan membina jaringan kerjasama antara pensyarah serta peserta ARCADESA 2026.

Bicara Seni bersama Alexandri Luthfi, 26 Jun 2026 (Jumaat) bertajuk Menulis Gagasan Artistik Sebagai Arsip: “Teknik Dan Metode” di Pojok Rumah DAS memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan penulisan sebagai medium dokumentasi dan pengembangan pemikiran artistik. Sesi ini membantu peserta memahami kaedah menyusun idea, konsep, proses kreatif serta konteks karya secara lebih sistematik sebagai bahan rujukan dan arkib seni. Secara keseluruhannya, aktiviti ini meningkatkan kefahaman peserta terhadap hubungan antara seni, penulisan dan proses kreatif dalam menghasilkan karya yang lebih bermakna.

Mesyuarat Bersama Pak Hussin dari Institut Seni Budaya Indonesia (ISBI) memberikan panduan dan perkongsian berkaitan strategi penulisan ilmiah serta penerbitan artikel berindeks Scopus. Perbincangan ini membantu peserta memahami proses penyediaan manuskrip, pemilihan topik kajian, keperluan kualiti penyelidikan dan cabaran dalam penerbitan antarabangsa. Secara keseluruhannya, aktiviti ini memberi manfaat dalam meningkatkan pengetahuan penerbitan akademik serta membuka peluang kerjasama penyelidikan antara institusi.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan ARCADESA 2026 dinilai sebagai berjaya dalam mencapai objektif program yang merangkumi aspek akademik, seni, budaya dan jaringan kerjasama antarabangsa. Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti bengkel penulisan Scopus, sesi *Postmortem Publication*, Bicara Seni, mesyuarat bersama institusi akademik serta aktiviti kebudayaan telah memberikan pendedahan yang luas kepada peserta dalam memperkukuhkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman profesional.

Secara keseluruhannya, ARCADESA 2026 berjaya mencapai objektif program melalui penggabungan aktiviti akademik, seni, budaya dan jaringan antarabangsa. Program ini memberi pendedahan kepada peserta dalam aspek penulisan ilmiah, penerbitan Scopus, penghayatan seni serta pertukaran idea bersama institusi luar. Aktiviti yang dijalankan berjaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran profesional dan apresiasi peserta terhadap bidang seni, penyelidikan serta budaya, di samping membuka peluang kerjasama pada masa hadapan. Selain itu, program ini turut meningkatkan kefahaman peserta terhadap amalan studio, budaya visual serta pendekatan penyelidikan di peringkat serantau. Interaksi bersama akademia dan institusi seni di Indonesia dan juga negara yang lain juga telah memperkukuh kefahaman serta pengalaman dalam konteks global.

Artjog - huraikan, nyatakan berapa bilangan karya di Artjog

rujuk lampiran 1

PENCAPAIAN AKTIVITI

Secara keseluruhannya program telah berjaya mencapai objektif yang telah digariskan dalam kertas kerja seperti berikut: nyatakan setiap tarikh/aktiviti

1) Tarikh: 19 Jun 2026 (Jumaat)
   Aktiviti: ArtJog 2026

2) Tarikh: 20 Jun 2026 (Sabtu)
   Aktiviti: Pameran Solo Prof. Madya Dr. Jailani Abu Hassan, Duri duri Kapas, Lawatan Galeri Residensi dan *Sarang Art Gallery*

3) Tarikh: 20 Jun 2026 (Sabtu)
Aktiviti: Perasmian Pameran DIES Natalis ke-42 ISI Yogyakarta

Pameran rasmi dibuka sebagai awal dari rangkaian pertemuan, percakapan, dan pengalaman yang akan berlangsung sepanjang program diajalankan. Perasmian pembukaan DIES Natalis ke-42 dihadiri oleh para seniman, akademisi, mahasiswa, serta publik untuk membuka peluang kepada peserta untuk memahami pelbagai gagasan, konsep dan pendekatan artistik yang diketengahkan melalui karya-karya yang dipamerkan. Melalui ruang pamer ini, setiap karya menyampaikan dialog baru sekaligus mengundang refleksi atas isu-isu yang diangkat di Yogyakarta.

4) Tarikh: 21 Jun 2026 (Ahad)
Aktiviti: Persediaan bagi ARCADESA 2026, ISI Yogyakarta

Aktiviti persediaan ARCADESA 2026 berjaya memastikan kelancaran pengurusan sesi pembentangan dengan penyusunan jadual, senarai pembentang, tajuk pembentangan, masa serta pembahagian bilik (break *room*) bagi peserta dalam talian melalui platform Zoom Meeting. Perancangan awal ini membantu melancarkan perjalanan program pada 23–24 Jun 2026 serta memastikan setiap sesi pembentangan dapat dilaksanakan secara teratur dan sistematik.

5) Tarikh: 22 Jun 2026 (Isnin)
Aktiviti: Asia Pacific Art Forum (APAF) 2026

Asia Pacific Art Forum (APAF) 2026 menghadirkan sesi Networking sebagai ruang untuk membangun koneksi, memperluas jejaring, dan membuka peluang kolaborasi di antara seniman, akademisi, peneliti, mahasiswa, serta para praktisi kreatif dari berbagai latar belakang. Lebih dari sekadar pertemuan, sesi ini menjadi momen untuk saling bertukar pengalaman, gagasan, dan perspektif, sekaligus memperkuat semangat kolaborasi yang menjadi bagian penting dari ekosistem seni kontemporer.

6) Workshop Pak Suwarno Wisetritomo, 22 Jun 2026 (Isnin)

7) ARCADESA 2026, 23 Jun 2026 (Selasa)

i) Day 1

8) ARCADESA 2026, 24 Jun 2026 (Rabu)

i) Day 2

ii) Bengkel Batik Indigo

Pembelajaran secara langsung kepada peserta dalam memahami proses penghasilan tekstil menggunakan teknik pewarnaan indigo. Peserta dapat mempelajari kaedah penyediaan pewarna, teknik ikat celup (*tie-dye*), proses rendaman kain serta pengawalan nisbah warna bagi menghasilkan corak dan tona yang diinginkan pada tudung (*scarf*). Aktiviti ini berjaya menggabungkan elemen teori dan praktikal dalam penghasilan karya seni tekstil.

iii) Malam Networking and Farewell ARCADESA 2026

Aktiviti Malam Networking and Farewell ARCADESA 2026 berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan menyediakan ruang interaksi dan komunikasi antara peserta, penganjur serta pihak berkaitan. Program ini dapat menggalakkan pembinaan jaringan profesional, mengeratkan hubungan kerjasama dan memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman sepanjang penglibatan dalam ARCADESA 2026. Suasana yang santai dan teratur turut membantu mewujudkan hubungan yang lebih erat dalam kalangan komuniti yang terlibat.

9) Bengkel Penulisan Scopus, 25 Jun 2026 (Khamis)

Peserta dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam proses penerbitan terdahulu serta memperoleh panduan untuk menghasilkan manuskrip yang lebih berkualiti dan berpotensi diterbitkan dalam jurnal berindeks antarabangsa. Program ini turut menjadi platform perkongsian ilmu antara akademisi dan penyelidik bagi memperkukuhkan budaya penyelidikan, kolaborasi akademik serta pembangunan jaringan penulisan dan penerbitan akademik (Scopus/WoS) pada masa hadapan.

10) Mesyuarat dengan Industri (Pak Jayadi), 25 Jun 2026 (Khamis)
Komuniti Pasar Kangen, Yogyakarta

Aktiviti Pasar Kangen Yogyakarta memperkenalkan dan memelihara warisan budaya tradisional melalui pengalaman secara langsung kepada para peserta. Aktiviti ini memberi peluang kepada peserta untuk mengenali kepelbagaian budaya Jawa melalui makanan tradisional, kraftangan, seni persembahan serta produk kreatif masyarakat tempatan. Suasana pasar yang berkonsepkan tradisional turut memberikan pengalaman yang menarik dan memperkayakan pemahaman peserta terhadap nilai budaya setempat.

11) Postmorterm Publication ISI Yogyakarta,
Mesyuarat ARCADESA 2026, 26 Jun 2026 (Jumaat)

Postmorterm Publication ini memberi pendedahan berkaitan strategi penulisan dan penerbitan artikel akademik berindeks Scopus. Peserta memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai proses penyediaan manuskrip, pemilihan jurnal, pengurusan penyelidikan serta langkah penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti penerbitan. Selain itu, sesi ini turut berjaya menggalakkan perkongsian pengalaman dan membuka peluang jaringan akademik antara pensyarah ISI Yogyakarta dan peserta ARCADESA 2026.

12) Mesyuarat bersama Prof Hussin, ISBI (Institut Seni Bandung, Indonesia),
27 Jun 2026 (Sabtu)

Mesyuarat ini sekaligus memperoleh pandangan dan panduan berkaitan langkah penambahbaikan dalam menghasilkan penulisan akademik yang lebih berkualiti dan memenuhi piawaian penerbitan Scopus. Sesi ini turut membuka peluang untuk membina jaringan kerjasama akademik serta menggalakkan kolaborasi penyelidikan antara institusi dalam memperkukuhkan budaya penerbitan ilmiah.

13) Perjalanan pulang Yogyakarta - Kuala Lumpur, 28 Jun 2026 (Ahad)

KEMAJUAN/ MASALAH

Secara keseluruhan, program ini menunjukkan kemajuan yang baik dari segi pelaksanaan dan penglibatan peserta. Semua aktiviti yang dirancang telah dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan tanpa sebarang gangguan besar.

Namun demikian, terdapat beberapa kekangan kecil yang dihadapi sepanjang program berlangsung, terutamanya dari segi pengurusan masa bagi beberapa sesi perbincangan yang agak terhad. Selain itu, terdapat juga sedikit perbezaan antara jadual rasmi dan aktiviti tambahan di lokasi program. Walau bagaimanapun, isu ini tidak menjejaskan keseluruhan kelancaran program.

	CADANGAN Berdasarkan pelaksanaan Program Outbound Pelajar dan Program Kolaborasi Penyelidikan di Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan bagi meningkatkan keberkesanan program pada masa akan datang. Antara cadangan utama adalah untuk memanjangkan tempoh sesi kolaborasi akademik dan perbincangan penyelidikan agar lebih banyak input ilmiah dapat diperoleh secara mendalam antara peserta dan pihak institusi antarabangsa. Selain itu, penglibatan pelajar juga dicadangkan untuk diperluaskan pada masa akan datang supaya impak program dapat dirasai oleh lebih ramai pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Di samping itu, penjadualan aktiviti program boleh disusun dengan lebih fleksibel bagi memberi ruang yang lebih seimbang antara aktiviti akademik, lawatan studio dan aktiviti budaya. Hal ini penting bagi memastikan setiap sesi dapat dimanfaatkan secara optimum tanpa tekanan masa yang terlalu ketat. Akhir sekali, adalah dicadangkan agar sokongan logistik dan penyelarasan program diperkukuhkan khususnya bagi aktiviti di luar negara supaya pelaksanaan program dapat berjalan dengan lebih lancar dan tersusun pada masa hadapan.	
3.0	**LAPORAN KEWANGAN**	
	Perbelanjaan Sendiri Jumlah keseluruhan perbelanjaan: **RM 3,455.00** Butiran perbelanjaan: ● Tiket penerbangan pergi balik Malaysia–Yogyakarta, Yogyakarta-Malaysia ● Penginapan (10 hari) di Arkadewi Boutique Hotel & Arys Garden Hotel ● Makan dan minum sepanjang program ● Yuran penyertaan pameran / persidangan ARCADESA 2026 ● Insurans perjalanan ● Lain-lain perbelanjaan (dokumen, bahan akademik, passport, dll.)	
4.0	**ULASAN/ RUMUSAN/ UCAPAN PENGHARGAAN**	
	Ucapan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM), Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), penyelia program serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini. Program ini diharapkan dapat menjadi platform yang berterusan dalam memperkukuh kualiti penyelidikan dan pengantarabangsaan pelajar pada masa akan datang. Program ini diharapkan dapat memberi manfaat yang besar kepada pembangunan akademik dan penyelidikan peserta. Pengalaman yang diperoleh melalui program ini telah memperkukuh pengetahuan, kemahiran serta jaringan akademik di peringkat antarabangsa.	
5.0	**LAMPIRAN BERGAMBAR SEPANJANG PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI**	
	*Masukkan gambar- gambar dan sediakan links 1. Lampiran 1: ArtJog 2026, 19 Jun 2026, *National Museum Yogyakarta*	

	2. Lampiran 2: Perasmian Pembukaan & Pameran DIES Natalis ke-42 ISI Yogyakarta, Networking Dinner, 20 Jun 2026, R.J Katamsi Gallery 3. Lampiran 3: Pameran Solo *Duri Duri Kapas* oleh Prof Jai, Lawatan Residensi Galeri & Sarang Art Gallery, 20 Jun 2026 4. Lampiran 4: Seminar APAF *(Asian Pacific Art Forum)* 2026, Ajiyasa Building, 22 Jun 2026, Malam Networking bersama ISI,UiTM, UPSI, Silpakhorn University, Victoria Gallery, 5. Lampiran 5: ARCADESA 2026, 23-24 Jun 2026, keynote speaker, nyatakan 1,2,3,4 dan topik upsi, uitm, day 1 parallel session, tema apa? day 2 parallel session, tema apa? rumusan, sebagai presenter, nyatakan, manfaat 24 jun 6. Lampiran 6: Workshop Batik Indigo | 24 Jun 2026 dinner closing & farewell 7. Lampiran 7: International Publication Scopus Workshop, 25 Jun 2026, Ajiyasa Building 8. Lampiran 8: Mesyuarat Lawatan Studio dan Pameran Solo Prof Jailani Abu Hassan | 26-27 Jun 2026	

Disediakan oleh:



Nama: Noor Izzah Atira Binti Mohd Daud
Jawatan: Pelajar AD950 Doktor Falsafah (Seni Lukis & Seni Reka)

Disemak oleh:

Nama: Profesor Madya Ts. Dr Rafeah Legino
Penyelia Penyelidikan (Pensyarah Kanan)
UiTM Shah Alam, Selangor

LAMPIRAN 1 : NOOR IZZAH ATIRA BINTI MOHD DAUD / PELAJAR KE PROGRAM OUTBOUND DAN PROGRAM KOLABORASI PENYELIDIKAN DI INSTITUT SENI INDONESIA (ISI) YOGYAKARTA, INDONESIA

BIL	NAMA PELAJAR	ID PELAJAR	NO TEL	SEM / KOD PROGRAM	NO KAD PENGENALAN
1.	Noor Izzah Atira Mohd Daud	2026380787	+60134326503	01/AD950	960305095038

LAMPIRAN 2 : POSTER DAN ATURCARA PROGRAM

- Aturcara Program *Outbound* Pelajar dan Program Kolaborasi Penyelidikan di Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta, Indonesia pada 19 Jun 2026 hingga 28 Jun 2026.

TARIKH / HARI	MASA	PERKARA
19 Jun 2026	09:40 Pagi – 11:20 Petang 15:00 Petang – 18:00 Petang	Perjalanan ke Yogyakarta, pendaftaran dan Perasmian ArtJog.
20 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	Perasmian dan Pembukaan Pameran DIES Natalis, ISI Yogyakarta
21 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	Sesi pengenalan institusi, lawatan akademik dan pendedahan kepada persekitaran studio ISI Yogyakarta.
22 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	Menghadiri Seminar APAF 2026
23 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	Hari Pertama - 10th ARCADESA 2026
24 Jun 2026	08:00 Pagi – 21:00 Malam	Hari Kedua - 10th ARCADESA 2026
25 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	*International Publication Workshop* dan perbincangan potensi penerbitan berindeks Scopus/WoS.
26 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	Lawatan Industri, Yogyakarta, Indonesia
27 Jun 2026	08:00 Pagi – 18:00 Petang	Lawatan Industri, Yogyakarta, Indonesia
28 Jun 2026	11:45 Pagi – 15:15 Petang	Perjalanan pulang ke Malaysia.

- Gambar Poster












- Gambar Program/Aktiviti

1. ArtJog 2026
   Tempat: Muzium Nasional Yogyakarta
   Tarikh: 19 Jun 2026 (Jumaat)








2. Pameran DIES Natalis ke-42 ISI Yogyakarta
   Tempat: Galeri R.J Katamsi
   Tarikh: 20 Jun 2026 (Sabtu)



































3. Seminar APAF 2026
   Tempat: Bangunan Ajiyasa, ISI Yogyakarta, Indonesia
   Tarikh: 22 Jun 2026 (Isnin)










4. ARCADESA 2026
   Tempat: Bangunan Ajiyasa, ISI Yogyakarta, Indonesia
   Tarikh: 23-24 Jun 2026 (Selasa & Rabu)











5. Bengkel Batik Indigo
   Tempat: Fakulti Tekstil, ISI Yogyakarta, Indonesia
   Tarikh: 24 Jun 2026 (Rabu)





6. International Publication Scopus Workshop
   Tempat: Bangunan Ajiyasa, ISI Yogyakarta, Indonesia
   Tarikh: 25 Jun 2026 (Khamis)










7. Lawatan Studio
Tempat: Kiniko Art Gallery, Sarang Art Gallery & Pojok Rumah DAS
Tarikh: 26-27 Jun 2026 (Jumaat & Sabtu)

- Pameran Solo Prof. Madya Dr. Jailani Abu Hassan





A solo exhibition by Jalaini Abu Hassan "Jai"

Tanam Semula: Duri-duri Kapas


Jalaini Abu Hassan yang akrab dipanggil Jai, memiliki nama lengkap Prof. Dr. Jalaini Abu Hassan, Artis senior kelahiran Selangor Malaysia ini termasyhur sebagai seorang pelukis kontemporari internasional dan pensiun sebagai pensyarah di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA Shah Alam Malaysia. Studi formalnya di Institut Teknologi MARA (UITM), kemudian melanjutkan pengajian dalam bidang seni di Slade School of Fine Art di London dan Pratt Institute di New York.

Pameran tunggal bertajuk "Tanam Semula: Duri-duri Kapas" membawanya menerobos ruang-ruang samar antara realiti dan ilusi, antara sunyi dan bunyi, malah antara seni dan diri. "Duri-duri Kapas" mengandungi suatu paradoks puitik yang kuat—duri melambangkan luka, ancaman, ketegangan dan kesedaran; sementara kapas membawa konotasi kelembutan, penyembuhan, kesakralan, malah kesucian. Tanam semula: kita tumbuh dari benih yang diperam sesubur alam lalu dibiar melingkar di celah-celah bayang legam yang tak tersentuh matahari. Ayat ini mengandung dimensi kosmologikal yang sangat mendalam. "Benih" bukanlah sekadar asal biologikal, tetapi benih kesedaran budaya dan spiritual. "Bayang legam yang tak tersentuh matahari" boleh dibaca sebagai metafora terhadap wilayah bawah sedar, trauma sejarah, memori kolektif, atau pengalaman sosial yang dipinggirkan.

Gaya lukisan Jai ekspresif, gerakan melukisnya intuitif dan seringkali butuh bidang kanvas berskala besar agar brush stroke bisa leluasa bergerak. Warna, bentuk, dan teksturnya memberi kesan energik, tekniknya mixed media berbahan khusus, metode melukisnya gestural atraktif tidak terpola, dikerjakan dengan cara meneteskan (dripping), menuang (pouring), atau memercikkan cat, dan menggoreskan kuasnya dengan kuat.


Bagi Jai, pameran ini bukan sekadar representasi visual, tetapi medan ontologi—suatu ruang untuk memahami bagaimana manusia, bahan, memori dan alam saling meresap antara satu sama lain. "Tanam Semula: Duri-duri Kapas", memperlihatkan satu posisi artistik yang sangat matang: bahwa seni bukan sekadar objek estetik atau alat representasi, tetapi suatu ekologi kesadaran. Ia bergerak antara bahan dan metafisik, antara tubuh dan memori, antara konflik dan penyembuhan. Jai berupaya membuka ruang kontemplatif, menyadari bahwa manusia terbina daripada kontradiksi—lembut tetapi berduri, rapuh tetapi bertahan, diam tetapi sarat makna.

Alex Luthfie R
Penulis dan kurator pameran











Daerah Ritual Yang Di Jual
Bitumen, Acrylic, Fabric Dye, Polyurethane, & Silicone on Canvas
152 x 152 cm
2026



Kumbang Asmara
Bitumen, Acrylic, Fabric Dye, Polyurethane, & Silicone on Canvas
210 x 145 cm
2026



Gula Kapas
Bitumen, Acrylic, Fabric Dye, Polyurethane, & Silicone on Canvas
210 x 145 cm
2026

LAMPIRAN 4 : SIJIL YANG DIKELUARKAN

LAMPIRAN 5 : LAIN-LAIN YANG BERKAITAN (Keratan akhbar, dan sebagainya)

PAMERAN DIES NATALIS KE-42 ISI YOGYAKARTA



Figure :

ASIAN PACIFIC ART FORUM (APAF) 2026 : ARTISTIC INTELLIGENCE



Figure :

PAMERAN SOLO PROF MADYA DR. JAILANI HASSAN
TANAM SEMULA: DURI-DURI KAPAS



Figure: